

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. LATAR BELAKANG KAJIAN

Penjajahan Barat ke atas Malaysia sejak dari tahun 1511 telah meninggalkan beberapa warisan kepada masyarakat Malaysia untuk diterima pakai dalam kehidupan seharian mereka. Warisan-warisan ini bukan sahaja meliputi sistem perundangan dan pentadbiran negara, malahan turut mempengaruhi sistem ekonominya. Penjajahan telah memperkenalkan sistem ekonomi Barat yang sekaligus meminggirkan sistem ekonomi Islam dari amalan negara di Malaysia.

Sistem ekonomi penjajah ini terus diterima dan diamalkan oleh masyarakat Malaysia sehinggalah sekarang. Walaupun begitu menjelang akhir abad ke-20an baru-baru ini timbul pula satu kecenderungan dan minat masyarakat terhadap agama Islam khususnya dalam kehidupan harian mereka. Perkembangan ini telah menyebabkan kerajaan turut memperkenalkan satu dasar iaitu Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam pada tahun 1982.

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam ini turut mempengaruhi sistem ekonomi khususnya dalam sistem perbankan dengan tertubuhnya Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983.¹ Perkembangan ini kemudiannya telah diikuti pula dengan pelancaran Sistem Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada 4 Mac 1993. SPTF yang diperkenalkan oleh Bank Negara ini, membolehkan bank-bank

konvensional menawarkan produk perbankan Islam dalam usaha mereka untuk menarik lebih ramai orang Islam menggunakan perkhidmatan mereka.

Kecenderungan institusi-institusi kewangan di Malaysia menawarkan produk Syariah dalam amalan perbankan mereka menimbulkan satu suasana yang cukup baik ke arah memberikan satu perkhidmatan alternatif kepada masyarakat. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat bukan sahaja terdiri daripada orang-orang Islam, tetapi turut diterima baik oleh orang bukan Islam.² Keadaan ini menyebabkan institusi-institusi kewangan berlumba-lumba memperkenalkan produk Islam dalam memberikan perkhidmatan mereka. Salah satu daripada institusi kewangan tersebut yang mengamalkan prinsip Syariah dalam amalan perbankan mereka ialah Bank Rakyat.

Antara produk-produk Syariah yang biasa ditawarkan dalam urusan perbankan mereka ialah seperti *Wadi'ah*, *Ij'arah*, *al-Rahn* dan *al-Bay' bi Thaman Ajil* (BBA). Kesemua produk yang ditawarkan ini merupakan hasil daripada pengambilan kaedah sistem muamalat Islam yang diperkenalkan oleh para fuqaha terdahulu. Ini termasuklah imam mazhab yang empat iaitu ulama mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali.

Memang tidak dapat dinafikan pengenalan terhadap produk Syariah ini walaupun dari segi asasnya adalah baik dan patut diberi sokongan, namun hakikatnya ia perlu diteliti dengan lebih mendalam supaya setiap produk yang ditawarkan itu benar-benar menepati prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh Syarak. Dalam kata lain kita tidak mahu penawaran terhadap produk Syariah

hanya dipengaruhi oleh keghairahan intitusi kewangan mengejar keuntungan semata-mata. Walhal hakikatnya produk-produk yang ditawarkan itu bertentangan atau jauh daripada prinsip Syariah yang sebenarnya. Ini bermakna walaupun produk itu dikatakan menepati Syarak, tetapi dalam masa yang sama masih terdapat unsur-unsur penipuan atau riba dalam akad yang boleh menjadikan muamalat itu *fāsid* atau tidak sah.

Menyedari hakikat ini, penulis terdorong untuk membuat kajian terhadap salah satu produk Syariah yang diperkenalkan oleh Bank Rakyat iaitu produk BBA. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sejauhmana produk BBA ini benar-benar menepati kehendak undang-undang kontrak Islam. Semoga kajian ini boleh memberi jawapan terhadap persoalan samada kewujudan produk Islam dalam sistem perbankan di Malaysia hari ini dipengaruhi oleh reaksi pasaran atau dipengaruhi oleh suatu usaha pembaharuan ke arah mengislamisasikan sistem ekonomi negara.³

1.2. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa objektif antaranya ialah:

- (1) Meneliti sejauhmana akad BBA yang diamalkan di Bank Rakyat selaras dengan undang-undang kontrak Islam.
- (2) Mengemukakan penjelasan-penjelasan dari sudut Islam jika terdapat unsur-unsur yang tidak menepati kehendak Islam dalam amalan akad BBA yang diamalkan di Bank Rakyat bagi menjamin keadilan kepada semua pihak.

- (3) Meneliti konsep BBA dalam konteks muamalah Islam menurut pandangan ulama.
- (4) Menyumbang pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat dalam usaha mewujudkan sistem perbankan yang adil dan membawa kesejahteraan kepada ekonomi.
- (5) Memberi saranan dan cadangan yang mana mungkin boleh digunapakai hasil daripada kajian ini.
- (6) Sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin meneruskan kajian dalam sistem perbankan Islam dan Undang-undang kontrak Islam.
- (7) Sebagai memenuhi keperluan untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Syariah secara berkursus dan disertasi di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

1.3. SKOP KAJIAN

Pada umumnya, tumpuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai konsep dan amalan kontrak yang terdapat di dalam penawaran produk berlandaskan prinsip Syariah di Bank Rakyat. Kajian ini hanya meliputi konsep dan amalan akad atau kontrak dalam produk BBA yang ditawarkan di bank ini.

Selain itu, oleh kerana bidang kajian ini adalah berkaitan dengan undang-undang muamalah Islam, ia juga akan menyentuh secara tidak langsung konsep akad di dalam undang-undang kontrak Islam. Dengan pemahaman ini akan membolehkan pula penumpuan dilakukan terhadap konsep BBA yang telah ditetapkan oleh Syarak. Dalam kata lain kajian ini juga akan mengkaji sandaran hukum-hukum yang digunakan oleh para ulama silam dan Bank Rakyat dalam menawarkan produk BBA ini.

1.4. METODOLOGI KAJIAN

1.4.1. Sumber Data

Dalam menghasilkan kajian ini penulis telah menggunakan sumber data samada yang berbentuk primer dan sekunder. Bagi sumber primer, data-data diperolehi melalui temubual tidak berformat dengan para pegawai di Bahagian Pembangunan Produk Bank Rakyat yang bertempat di Ibu Pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur. Data-data berbentuk primer juga diperolehi melalui fail-fail, nota-nota dan laporan-laporan daripada simpanan mereka mengenai produk BBA yang diperkenalkan di bank tersebut.

Data-data berbentuk sekunder pula diperolehi melalui bahan-bahan percetakan yang diterbitkan dan yang belum diterbitkan. Bahan percetakan yang diterbitkan ini termasuklah buku, jurnal, rencana dan artikel-artikel berkenaan dengan tajuk kajian. Manakala bahan percetakan yang belum diterbitkan pula terdiri daripada tesis-tesis para pelajar di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana serta kajian ilmiah para pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

1.4.2. Metod Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, penulis mencari dan mengumpul data-data dengan menggunakan beberapa metod kajian seperti berikut:

(1) Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan oleh penulis untuk mendapatkan maklumat dan data yang tidak melibatkan kajian lapangan seperti data-data mengenai konsep akad dalam Islam serta konsep BBA menurut perspektif undang-undang kontrak Islam. Kesemua maklumat dan data ini diperolehi melalui buku-buku, jurnal, majalah, artikel dan sebagainya. Antara perpustakaan yang menjadi tempat rujukan penulis ialah:

- (1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- (2) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
- (3) Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya.
- (4) Perpustakaan Pusat Islam Kuala Lumpur
- (5) Perpustakaan Negara Malaysia

(2) Temubual

Penggunaan metod temubual bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang melibatkan subjek utama kajian penulis iaitu akad BBA di Bank Rakyat. Melalui metod ini penulis menemubual pegawai di Bahagian Pembangunan Produk di Ibu Pejabat Bank Rakyat Kuala Lumpur. Kajian melalui metod ini amat penting bagi memperolehi sumber yang bersifat primer. Ini kerana

di bahagian inilah kajian tentang produk BBA dijalankan sebelum ia dilaksanakan sebagai salah satu instrumen pembiayaan di Bank Rakyat.

(3) Melayari Internet

Dalam menjalankan kajian ini penulis turut melayari internet dalam mencari maklumat berkaitan dengan subjek kajian. Maklumat yang diperolehi samada dalam bentuk artikel ataupun merupakan maklumat asas kepada penulis bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam melalui buku-buku atau kertas kerja persidangan yang berkaitan dengan kajian.

1.4.3. Pemrosesan Data

Segala maklumat dan data yang diperolehi daripada berbagai-bagai sumber kemudiannya diproses untuk dinilai bagi mendapatkan data-data yang betul dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sahaja.

1.4.4. Metod Analisis Data

Analisis data dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat daripada sumber-sumber yang diperolehi dalam proses pengumpulan data. Penganalisaan data dilakukan oleh penulis dengan menggunakan beberapa metod seperti berikut:

(1) Metod Induktif

Metod ini merupakan satu proses penganalisan data bagi mencari kesimpulan terhadap sesuatu permasalahan melalui pengkajian data yang bersifat khusus. Melaluinya kesimpulan yang lebih umum akan dihasilkan berdasarkan data-data tersebut.

Dalam hal ini, metod induktif digunakan oleh penulis dalam meneliti pandangan para fuqaha dahulu dan sekarang terhadap pemahaman dan sandaran hukum yang digunakan oleh mereka tentang konsep akad serta amalan akad BBA yang diamalkan di Bank Rakyat sekarang. Daripada penelitian ini penulis akan membuat kesimpulan umum di dalam bab lima yang merupakan bab terakhir daripada keseluruhan bab dalam kajian ini.

(2) Metod Deduktif

Metod deduktif pula merupakan proses penganalisan data bagi mencari kesimpulan terhadap sesuatu permasalahan berdasarkan pengkajian yang dilakukan ke atas data-data yang bersifat umum. Dalam kata lain penulis menggunakan metod ini dalam menghuraikan prinsip-prinsip umum yang dijelaskan oleh nas-nas Syarak sebagai asas dalam penetapan kadar keuntungan dalam amalan BBA.

(3) Metod Komparatif

Method komparatif ialah membuat perbandingan di antara data-data serta fakta-fakta yang diperolehi bagi membolehkan kesimpulan dibuat.

Metod ini digunakan oleh penulis bagi menganalisa data-data yang diperolehi antara amalan akad BBA mengikut perspektif Islam dengan akad BBA yang digunakan di Bank Rakyat. Metod ini amat penting dalam memberi gambaran yang jelas mengenai tajuk kajian.

1.5. HASIL KAJIAN

Penulis menjangkakan hasil kajian yang bakal diperolehi daripada kajian ini adalah seperti berikut:

- (1) Mewujudkan satu kefahaman yang mendalam terhadap amalan akad terhadap produk-produk yang ditawarkan oleh institusi kewangan di Malaysia khususnya terhadap akad bagi produk BBA.
- (2) Mewujudkan kepakaran baru dalam undang-undang kontrak dan muamalat Islam.
- (3) Membolehkan penyelidikan dalam bidang muamalat diteruskan dalam usaha mewujudkan sistem muamalah Islam yang menyeluruh di Malaysia suatu hari nanti.
- (4) Menambah koleksi dan bahan rujukan yang sesuai di Perpustakaan Akademi Pengajian Islam dan Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya.

1.6. MASALAH KAJIAN

- (1) Kekurangan bahan rujukan yang membincangkan secara khusus mengenai BBA.
- (2) Masalah untuk menemui pihak berwajib yang dapat memberikan maklumat bagi menyiapkan kajian ini. Dalam hal ini pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini tidak ramai di Bank Rakyat. Ini secara tidak langsung menyebabkan mereka sibuk untuk ditemubual bagi mendapatkan maklumat daripada mereka.
- (3) Polisi bank yang ketat menyebabkan sukar untuk mendapatkan maklumat secara bertulis. Sebaliknya kebanyakan maklumat hanya diperolehi secara lisan melalui penerangan daripada pegawai di bank tersebut.

1.7. RINGKASAN KAJIAN DAN PENULISAN LEPAS

1.7.1. Kajian Lepas Tentang Akad BBA

Secara umumnya, penulis mendapati tidak terdapat satu kajian khusus dilakukan mengenai akad BBA yang diamalkan dalam sistem perbankan Islam di Malaysia menurut perspektif undang-undang kontrak Islam. Setakat ini kajian lebih banyak tertumpu kepada sistem perbankan Islam di Malaysia serta produk-produk yang terdapat dalam operasi perbankan ini. Sebagai contoh kajian yang dilakukan oleh Ab. Mumin Ab. Ghani dalam tesis Ph.Dnya yang bertajuk '*Sistem Kewangan Islam dan Perlaksanaannya di Malaysia*'.⁴

Dalam kajian ini penumpuan diberi oleh penulis dalam membincangkan aspek sistem perbankan Islam yang terdapat di Malaysia secara keseluruhan. Permasalahan riba yang menjadi salah satu ciri penting dalam membezakan antara sistem perbankan Islam dengan sistem perbankan konvensional turut dibincangkan.

Walaupun terdapat perbincangan mengenai pembiayaan BBA dalam kajian ini, penulis mendapati kajian ini hanyalah bersifat umum. Dalam kata lain perbincangan mengenai BBA dibuat secara sepintas lalu sebagai salah satu produk pembiayaan yang terdapat dalam sistem perbankan Islam di Malaysia bagi pembiayaan perumahan, kenderaan dan aset tetap.⁵ Perbincangan mengenai BBA ini juga lebih banyak tertumpu terhadap permasalahan penambahan harga dalam konteks BBA. Keadaan ini bersesuaian dengan penumpuan kajian penulis yang turut membincangkan permasalahan riba dalam sistem kewangan.

Selain itu terdapat seorang lagi penulis yang turut membincangkan tentang BBA dalam kajiannya yang bertajuk '*Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba: Kajian Terhadap Sistem Muamalat Islam di Malaysia Masa Kini*'.⁶ Kajian ini dilakukan oleh Osman Bin Hj. Sabran dalam tesis Ph.Dnya. Penulis tesis ini lebih menumpukan kajian terhadap permasalahan riba yang menjadi ciri penting dalam instrumen pinjaman dan pembiayaan sistem kewangan Islam. Aspek pembiayaan ini termasuklah produk BBA yang diperkenalkan dan popular dalam operasi perbankan berasaskan prinsip Islam di Malaysia.

Sebaliknya perbincangan atau kajian mengenai BBA lebih banyak didapati dalam latihan-latihan ilmiah para pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Secara kesimpulannya latihan ilmiah ini lebih menumpukan kepada perkara berikut:

- (1) Kajian terhadap pelaksanaan BBA dalam sistem kewangan Islam.⁷
- (2) Kajian perbandingan di antara skim pembiayaan BBA dan skim pinjaman yang ditawarkan dalam sistem perbankan di Malaysia.⁸
- (3) Kajian tentang perbankan Islam dan amalannya.⁹
- (4) Kajian tentang operasi produk BBA dari mula sehingga tamat pembiayaan.¹⁰
- (5) Penerangan tentang pembiayaan yang terdapat dalam sistem kewangan Islam secara ringkas.¹¹

1.7.2. Penulisan Tentang BBA di Malaysia

(1) Buku

Setakat ini penulis mendapati hanya terdapat sebuah buku yang membincangkan tajuk BBA secara khusus. Buku setebal 92 muka surat ini bertajuk "*Urus Niaga al-Bay' bi Thaman Ājil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*"¹² yang ditulis oleh Osman Sabran. Penulisan buku ini merupakan hasil kajian yang dilakukan oleh penulis dalam tesis Ph.Dnya sepertimana diterangkan di atas.

Dalam buku ini penulis tidak hanya membincangkan konsep urus niaga BBA daripada aspek pengertian, asas hukum dan rukunnya sahaja, malah turut

mengemukakan bagaimana operasi urus niaga BBA yang dijalankan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam urus niaga ini. Dalam kata lain penulisan ini cuba menyentuh secara keseluruhannya urus niaga BBA supaya bebas daripada unsur kezaliman, penindasan, penipuan dan amalan riba, samada dalam jual beli, pembiayaan, akad perjanjian dan bayaran tangguhannya.¹³

Berdasarkan penulisan tentang pelaksanaan BBA di Malaysia penulis membuat kritikan terhadap rukun *ijāb* dan *qabūl* yang tidak dilaksanakan dengan cara bersungguh-sungguh antara pelanggan yang membeli hartanah atau rumah dengan pembiaya samada daripada pihak bank mahupun kerajaan. Sikap sambil lewa ini menurut penulis akan menyebabkan akad jual beli boleh terbatal atau tidak sah menurut hukum Syarak.¹⁴

Dalam hal ini penulis menyarankan agar setiap urusan jual beli BBA yang dilaksanakan mestilah diadakan akad yang khusus. Dalam kata lain akad tersebut hendaklah diucapkan oleh pembiaya dengan pelanggan di hadapan peguam. Pelanggan juga mestilah mengetahui dan memahami segala isi kandungan akad sesuai dengan tuntutan Islam yang menghendaki setiap perjanjian itu hendaklah ditulis dan dibacakan.¹⁵

Selain itu penulis turut mengkritik terhadap jual beli pertama antara pelanggan dan pemaju yang masih terikat di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1996 (Akta 118) & Peraturan-Peraturan, mengikut Klausula 8 yang menyatakan faedah sebanyak 10.00 peratus setahun akan dikenakan ke atas bayaran lewat kepada pembeli. Oleh kerana pembiayaan BBA

merupakan pembiayaan yang tidak terlibat dengan riba maka kajian terhadap akta ini perlu dilakukan.¹⁶ Ini kerana perjalanan akta tersebut harus selari dengan pelaksanaan Sistem Perbankan Islam yang dilaksanakan sekarang supaya tidak wujud penipuan atau unsur-unsur yang bercanggah dengan Syariat dalam pelaksanaan muamalat Islam di Malaysia.

Dalam penulisan ini penulis turut mencadangkan agar kadar keuntungan yang masih tinggi dalam operasi sistem perbankan Islam wajar diturunkan pada kadar yang lebih rendah dan munasabah. Penurunan ini wajar bagi mengelakkan berlakunya penindasan harga kepada pelanggan selain bertujuan menghalang pembiaya mengambil kesempatan daripada mekanisme BBA yang menjadi langganan terbanyak dalam Sistem Perbankan Islam di Malaysia ketika ini. Penurunan kadar keuntungan boleh menjadi galakan kepada pelanggan untuk melanggan BBA dan dapat membuktikan bahawa urusan muamalah Islam lebih baik daripada sistem pinjaman konvensional.¹⁷

(2) Artikel

Dalam penulisan artikel pula, penulis mendapati tidak terdapat perbincangan khusus mengenai akad BBA dibincangkan. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa artikel yang menyentuh tentang BBA. Antara artikel tersebut ialah artikel tulisan Mohd Daud Bakar yang bertajuk "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam".¹⁸

Dalam penulisan ini penulis mengatakan bahawa perundangan Islam tradisional tidak ada mengamalkan pembiayaan kewangan seperti instrumen BBA. Sebaliknya ia hanya wujud dalam pembiayaan kewangan semasa yang mempunyai latar belakang yang tersendiri yang perlu dilihat daripada perspektif moden iaitu sistem perbankan Islam yang beroperasi selari dan sejajar dengan sistem perbankan konvensional.¹⁹

Oleh itu berdasarkan pemerhatian penulis daripada hasil kajian dan penulisan yang terdahulu, penulisan tentang akad BBA secara khusus bolehlah dikatakan tiada. Walaupun terdapat penyelidikan mengenai BBA dalam sistem perbankan Islam di Malaysia, namun ia hanyalah merupakan perbincangan yang dibuat secara umum yang menjadi sebahagian daripada bab penyelidikan tersebut.

Justeru itu dalam kajian seterusnya, penulis berhasrat untuk terus memperkembangkan lagi kajian yang dilakukan sebelum ini. Penulis merasakan masih terdapat kekurangan yang boleh diisi dalam melengkapkan lagi kajian mengenai BBA khususnya yang berkaitan dengan akad produk tersebut.

NOTA HUJUNG

- 1 Bank Negara Malaysia (1984), *Wang Dan Urusan Bank di Malaysia*, Kuala Lumpur: BNM 1984, h. 196 dan Sudin Haron (1996), *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd., h. 21.
- 2 Berita Harian, 16 April 2001.
- 3 Ahmad Hidayat Buang (1995), "Muamalah Islam di Malaysia-Satu Tajdid Atau Reaksi Pasaran", (Kertas Kerja Seminar Pengajian Syariah, 13-14 Jun), Kuala Lumpur, h. 1.
- 4 Ab. Mumin Ab. Ghani (1997), "Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia", (Tesis Ph.D, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- 5 *Ibid.*, h. 349.
- 6 Osman Hj. Sabran (1997), "Pinjaman dan Pembiayaan Tanpa Riba: Kajian Terhadap Sistem Muamalat Islam di Malaysia Masa Kini", (Tesis Ph.D., Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya).
- 7 Maznah Jamaludin (1997/98), "Skim Pembiayaan Perumahan: Kajian Pelaksanaan di Bank Islam Malaysia Berhad", (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- 8 Asmak Ab. Rahman (1996/97), "Pinjaman Aset: Satu Perbandingan dan Analisa Antara Sistem Konvensional dan Skim Perbankan Tanpa Faedah: Satu Kajian di Perwira Affin Bank", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya) dan Haslinda Bte Abd. Hamid (1995), "Skim Bay' bi Thaman Ājil: Satu Kajian Perbandingan Dengan Skim Pinjaman di Sebuah Bank Perdagangan", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Universiti Malaya).
- 9 Norsaleha Hasan (1999/2000), "Perbankan Islam dan Amalannya di Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB)", (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- 10 Mohd. Azmi Ismail (1997), "Skim al-Bay' bi Thaman Ājil (BBA) Sebagai Satu Alternatif Kepada Skim Ansuran Konvensional: Satu Kajian di Daerah Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus", (Latihan Ilmiah, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) dan Marzianah Abdul Malek (1993), "Jualan Harga Tangguh yang Diamalkan oleh Bank Islam: Keberkesanannya Dalam Konteks Sistem Ekonomi Malaysia Kini", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya).
- 11 Halimah Omar (1998/1999), "Aspek-aspek Pembiayaan Dalam Amalan Perbankan Islam". (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- 12 Osman Haji Sabran (2000), *Urus Niaga. al-Bay' bi Thaman Ājil Dalam Mekanisme Pembiayaan Tanpa Riba*, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- 13 *Ibid.*, h. vi.

- 14 *Ibid.*, h. 85.
- 15 *Ibid.*
- 16 *Ibid.*
- 17 *Ibid.*, h. 86.
- 18 Mohd Daud Bakar (Julai 1997), "Aspek-aspek Pembiayaan Projek dalam Amalan Perbankan Islam", *Jurnal Syariah*, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Bil. 2, h. 204-228.
- 19 *Ibid.*, h. 209.